

# Usaha hentikan keganasan di Asia Barat

# PM, Pope sependapat

BH - 10 JUN 2002

Daripada Khaidir Abdul Majid

VATICAN CITY, Jumaat - Keganasan di Asia Barat hanya dapat dihentikan dengan campur tangan pihak ketiga dalam memisahkan pihak yang bertelagah iaitu Palestin dan Israel.

Pandangan ini dikongsi oleh Malaysia dan Vatican apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan perbincangan dengan Ketua Gereja Katolik, Pope John Paul II, di sini hari ini.

Malaysia dan Vatican juga sependapat bahawa keganasan di Asia Barat sekarang perlu diselesaikan melalui rundingan, manakala punca keganasan itu sendiri mesti dihapuskan.

"Umumnya mereka (Vatican) berpendapat bahawa keganasan di Palestin mesti dihentikan. Jadi kita tidak ada perbezaan pendapat dengan mereka," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar di depan Basilica St Peter di sini selepas mengadakan lawatan kerja ke Vatican hari ini.

Lawatan ini, yang pertama bagi ketua kerajaan Malaysia, adalah atas jemputan Pope sendiri selaku ketua Vatican.

Dr Mahathir berkata, Malaysia menegaskan kepada pemimpin tertinggi Katolik itu bahawa tekanan ke atas orang Palestin sekarang perlu dihentikan.

"Mereka bersetuju bahawa perlunya dipisahkan pihak bertelagah ini," katanya.

Perdana Menteri, yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, mengadakan pertemuan dengan Pope dan Setiausaha Negara Vatican, Kardinal Angelo Sodano dan Setiausaha Perhubungan Vatican, Archbishop Jean-Louis Tauran.

Dr Mahathir adaiah antara pemimpin negara Islam yang diundang Pope ke Vatican. Sebelum ini, presiden Palestin Yasser Arafat dan Allahyarham Raja Hussein Jordan pernah menemui Pope di Vatican.

LIHAT MUKA 2

# Vatican puas hati kebebasan beragama di Malaysia

BH - 8 JUN 2002

DARI MUKA 1

Beberapa pemimpin kerajaan seperti Presiden Megawati Sukarnoputri dari Indonesia akan membuat kunjungan hormat ke atas Pope minggu depan sempena mesyuarat Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) di Rome, minggu depan.

Dalam pertemuan empat mata dengan Pope itu, Perdana Menteri menyuarakan pandangan bahawa keganasan dan tindakan Israel terhadap Palestin sekarang mesti dihentikan segera. Beliau juga menielaskan kepada Pope mengenai perkembangan di Asia Tenggara dan Malaysia.

"Dalam perbincangan dengan Kardinal Sodano pula kita menyentuh mengenai soal keganasan dengan panjang lebar dan mengenai pentingnya punca keganasan di Asia Barat dihapuskan," kata Dr Mahathir.

Malaysia berpendapat apa yang berlaku di Palestin bukanlah satu peperangan agama tetapi lebih disebabkan kehilangan tanah oleh orang Palestin apabila dirampas penduduk Israel.

"Mereka dihalau daripada tanah mereka yang kemudian diduduki orang Israel. Kerana itu mereka berjuang untuk mendapatkan semula tanah mereka. Disebabkan kebanyakan orang Palestin menganut Islam, sudah semestinya mereka mendapat simpati

dari pada umat Islam seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, selain usaha untuk menghentikan kegiatan keganasan oleh kumpulan seperti al Qaeda melalui tindakan ketenteraan, punca kenapa mereka bertindak sedemikian perlu dicari.

"Tindakan keganasan bukanlah cara Islam. Kami percaya tindakan berkenaan diambil berhubung apa yang berlaku di Palestin dan apa yang berlaku di banyak lagi negara Islam.

"Banyak negara Islam diserang dan menghadapi pemulauan dan berikutan itu muncul perasaan ditindas di kalangan penduduk di negara itu," katanya menjawab soalan apakah yang boleh dilakukan oleh negara Islam dalam memerangi keganasan.

Selain isu Palestin, pertemuannya dengan Vatican turut menyentuh soal kebebasan agama di Malaysia dan Dr Mahathir menjejaskan, Vatican berpuas hati terhadap kebebasan agama di Malaysia.

Perdana Menteri berpendapat lawatannya ke Vatican berhasil kerana beliau dapat mengemukakan pandangan yang beliau hendak sampaikan.

Selepas pertemuan dengan Pope, Dr Mahathir melawat Sistine Chapel, dewan di mana kardinal berhimpun untuk memilih Pope baru jika berlaku kekosongan.

Sistine Chapel terkenal

dengan lukisan pelukis Florence abad ke-16, Michelangelo yang menghiasai silingnya.

Rombongan Dr Mahathir ke Vatican turut disertai Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok, Duta Malaysia ke Itali, Datuk Shamsu-

din Abdullah, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Ismail Ibrahim dan penceramah bebas, Uthman Muhammadi.

Selepas iawatan ke Vatican, Perdana Menteri menunaikan solat Jumaat di Pusat Kebudayaan Islam di Rome. Beliau disambut oleh Naib Presiden Jawatankuasa Pentadbiran pusat itu, Mohamad Ziauddin

yang juga Duta Besar Bangladesh ke Rome.

Dr Mahathir berlepas ke Naples petang ini sebelum meneruskan lawatannya ke Zurich, Geneva. Ahad ini, seterusnya menyampaikan ucapan di persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di Geneva pada Selasa dan memulakan lawatan negara ke Luxembourg, Rabu.